



Buletin SRI Ummah



كأره قمتوقن كينراسي القرآن

JILID 11, NO 2 EDISI (JULAI - OKTOBER)

PERPINDAHAN KE SEKOLAH PREMIS BAHARU

Sekolah Rendah Islam Ummah Bandar Baru Bangi (dahulunya dikenali sebagai Kelas Tahfiz Ummah Bandar Baru Bangi) telah membuat beberapa pembaharuan baru ke atas premis sekolah yang sebelum ini menyewa di rumah-rumah kediaman dan surau-surau kepada premis kedai dan rumah kedai.

Perpindahan premis dan pertukaran nama sekolah kepada Sekolah Rendah Islam (SRI) Ummah ini berikutan memenuhi syarat pendaftaran sekolah dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).



SRI UMMAH AL-ABRAR

Antara premis yang terlibat dengan perpindahan lokasi adalah:

Bil.	Nama Institusi	Alamat Premis
1	Sekolah Rendah Islam Ummah Al-Umm (Kelas Tahfiz Ummah Damai)	No. 15-1, Jalan 1/4a, Seksyen 1, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
2	Sekolah Rendah Islam Ummah Al-Ikhlas (Kelas Tahfiz Ummah Al-Ikhlas)	No. 36-1, Jalan 4/11, Seksyen 4 Tambahan, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
3	Sekolah Rendah Islam Ummah Al-Ikhwan (Kelas Tahfiz Ummah Al-Ikhwan)	No. 13a-1, Jalan 5c/11, Seksyen 5, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
4	Sekolah Rendah Islam Ummah Al-Abrar (Kelas Tahfiz Ummah Al-Abrar)	No. 31-1, Jalan 7/7d, Seksyen 7, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
5	Sekolah Rendah Islam Ummah Bangi Perdana (Kelas Tahfiz Ummah Bangi 3)	No. 20, Jalan 3/7, Bangi Perdana, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
6	Sekolah Rendah Islam Ummah Al-Hasanah (Kelas Tahfiz Ummah Al-Hasanah)	No. 25a, Jalan 8/1, Seksyen 8, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
7	Sekolah Rendah Islam Ummah Al-Kauthar (Kelas Tahfiz Ummah Al-Kauthar)	No. 1, Tingkat 1, Jalan 4/1a, Seksyen 4, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
8	Sekolah Rendah Islam Ummah Raudhah (Kelas Tahfiz Ummah Ar-Raudhah)	No. 25a, Jalan Jernang Jaya 1, Kampung Teras Jernang, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.

SIDANG PENGARANG

Penasihat

Dr, Hj Wan Fuad Wan Hassan

Ketua Pengarang

Sarimah Sabu

Pengarang

Norazela Mat Jamil

Fadlina Kamis

Atifah Mohd Nor

Salihaton Rapeah Sharudin

Rossidah Hanapi

Editor

Nur Ain Nadhira Mohd Amir

Mohd Redza Mokhtar

Pereka Grafik

Siti Nur Khadijah Md Yusoff

PEMIKIRAN DALAM PENDIDIKAN KOMPETENSI AL-HIKMAH

“Pendidikan Al-Hikmah adalah satu penjenamaan konsep dan gagasan pendidikan berteraskan pesan-pesan Luqman Al-Hakim (ayat 12-19 Surah Luqman). Pesan-pesan kependidikan Luqman Al-Hakim pada hakikatnya tidak lain adalah pengungkapan hikmah ilahiyah yang mengatasi segala teori pendidikan sarjana mana pun. Ayat ayat tersebut tidak hanya mengandungi komponen asasi pendidikan: `aqidah, syari`ah dan akhlak, tetapi juga mengandungi nilai-nilai penting yang menjadi asas pembinaan karakter unggul. “

(Siddiq Fadzil, 2014).



Puan Hajah Rohana Kamaruddin
Perunding Pendidikan
Al-Hikmah YTP

Falsafah Pendidikan Al-Hikmah

yang diselaraskan pada tahun 2014 diperkenalkan di pusat pendidikan ABIM, termasuk Sekolah Rendah Islam Ummah Bandar Baru Bangi (dahulunya dikenali sebagai Kelas Tahfiz Ummah Bandar Baru Bangi) sebagai satu pendidikan alternatif yang menekankan aspek pembentukan generasi muda yang berwatak, bercirikan sistem nilai dan keupayaan berfikir aras tinggi selari dengan perintah Allah, *“afala ta`qilun, afala tatafakkaruun, afala tatazakkaruun”*. Gagasan Pendidikan Al-Hikmah merupakan satu rangka tindakan terhadap cita-cita melahirkan satu generasi khayra ummah yang sempurna dalam aspek kehidupan.

Pendidikan Al-Hikmah pada dasarnya berdimensi pendidikan karakter berasaskan nilai-nilai. Nilai-nilai tersebut diungkapkan dengan pendekatan konseptual dan juga fungsional. Dalam Pendidikan Al-Hikmah, nilai-nilai Al-Hikmah daripada Surah Luqman ini dan kemenjadian karakter dalam Falsafah Pendidikan Al-Hikmah membina asas kepada kompetensi karakter yang diaspirasikan. Dimensi bagi setiap kompetensi karakter Al-Hikmah dituntas dengan ciri-ciri dalam bentuk pengetahuan, sikap, kemahiran yang boleh diukur dan dibawa dalam pengajaran pembelajaran di dalam kelas. Pendidikan Al-Hikmah bersandarkan kepada Falsafah Pendidikan paradigma Tauhid dan kesepaduan ilmu dan ini menatijahkan konsep integrasi dan Islamisasi ilmu.

Pendidikan kompetensi Al-Hikmah sebagai pendidikan karakter berpaksi kepada 9 kompetensi karakter yang dibawa ke arah kemenjadian murid seperti yang diaspirasikan di dalam Falsafah

Pendidikan Al-Hikmah. Kompetensi Al-Hikmah di sini merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, nilai dan ciri yang perlu bagi memastikan kemenjadian karakter dapat terlaksana. Kompetensi Al-Hikmah ini adalah Ilmu & Kemahiran, Budaya Al-Quran, Kepimpinan, Istiqamah dan Iltizam, Adab dan Bakti serta Lestari serta pembinaan karakter yang diaktualisasikan di peringkat komuniti – Budi, melalui jemaah Islamiyah – Harakiy dan di peringkat ummah – Ummatik.

Penghayatan Konsep Pendidikan Sepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan matlamat pembangunan insan melalui keseimbangan dan keharmonian potensi rohani, intelek, emosi dan jasmani dengan membina kekuatan akidah. Matlamat pendidikan adalah untuk pembangunan insan dengan mengambil kira kurikulum yang menegaskan keharmonian tiga dimensi iaitu manusia, alam dan Maha Pencipta. Ungkapan insan yang seimbang dan harmonis dalam Falsafah merujuk kepada peranan manusia sebagai khalifah Allah SWT yang menghayati nilai-nilai bersepadu di antara sesama manusia, alam sekitar dan Maha Pencipta. Penakrifan Pendidikan Sepadu adalah sebagai pendidikan yang bersumberkan Al-Quran dan Hadis di samping adanya integrasi disiplin-disiplin ilmu akal ke arah membina komuniti Ummah dengan berteraskan akidah. Kesepaduan dalam kerangka Tauhidik adalah mod dalam pelaksanaan kompetensi Al-Hikmah. Ia mencorakkan kurikulum, pedagogi dan pentaksiran yang akan dibangunkan. Konsep kesepaduan ini meletakkan keutamaan dalam membina kekuatan akidah dan kerohanian dengan terjenamanyanya

kesepaduan aqli naqli, kesepaduan ilmu dan amal, kesepaduan antara nilai, ilmu dan kemahiran dan kesepaduan di antara disiplin ilmu akademik dan ilmu agama atau diniyah.

Dalam konsep tauhid Islam, ilmu bersifat holistik, komprehensif dan bersepadu. Konsep tauhid yang difahamkan sebagai keesaan Allah dan kesatuan dalam ciptaanNya, maka jika diterjemahkan merupakan kesatuan dan kesepaduan di antara insan dan alam dan di antara ilmu dan nilai. Peraturan alam itu merupakan pembuktian terhadap kewujudan kuasa dan prinsip kesatuan ini diunjurkan kepada intelek manusia yang diberi keupayaan untuk memahami akan apa yang wujud di sebalik pengamatan derianya yang lima itu secara penakulan. Siddiq Fadzil menegaskan ilmu sebagai tonggak utama keunggulan tamadun Islam di mana terdapat kekuatan intelektual-spiritual. Ini yang perlu dipertahankan dalam keilmuan masa kini dalam era masyarakat berasaskan ilmu. Dalam tamadun sekularistik kini, ilmu telah kehilangan paksi tauhid dan mengalami pemecahan atau fragmentasi, sehingga sains, contohnya terpisah daripada ilmu-ilmu yang lain seperti akidah, syari`ah dan akhlak. Hanya ilmu yang sepadu dapat membentuk watak yang sepadu, maka perlulah dibawa semua ilmu di bawah paradigma tauhid dan kepada sistem nilai Islam.

Kelas Tahfiz Ummah (SRI Ummah) mula ditubuhkan pada tahun 1985 dan Kurikulum Tahfiz disusun oleh Dr. Ab Halim Muhammadi dengan menggunakan strategi 5M iaitu Menulis, Membaca, Menghafaz, Memahami dan Menghayati Al-Quran.

“Saya rindu nak ke sekolah berjumpa dengan ustazah dan kawan-kawan.”

Itulah ungkapan pertama yang disebut oleh murid-murid sejak bermulanya sesi persekolahan setelah hampir 3 bulan sekolah di Malaysia telah diarahkan untuk tutup disebabkan penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia.

Saranan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah membenarkan kesemua sekolah swasta dan kementerian untuk beroperasi, Sekolah Rendah Islam Ummah Bandar Baru Bangi (dahulunya dikenali sebagai Kelas Tahfiz Ummah Bandar Baru Bangi) turut memulakan sesi persekolahan pasca Covid-19 bermula 22 Julai 2020 di semua cawangan. Sesi persekolahan telah dilaksanakan mengikut Standard Operation Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib.

Sebelum melangkah masuk ke sekolah, murid telah diarahkan untuk mencuci tangan, memakai hand sanitizer yang disediakan dan suhu diambil oleh guru yang bertugas di kaunter. Murid wajib memakai pelitup muka dan digalakkan membawa sapu tangan dan hand sanitizer sendiri. Kemudian, kedudukan semasa sesi pembelajaran satu murid hanya satu meja dan tidak melebihi 20 murid dalam sebuah kelas. Sekiranya bilangan murid melebihi 20 orang, guru akan membahagikan murid kepada kelas lain untuk menjalankan sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan mudah. Laluan perjalanan keluar dan masuk juga telah ditanda mengikut jarak yang dibenarkan.

Bagi mematuhi SOP dan ruang kelas yang terhad, jadual pergiliran kehadiran murid mengikut tahun telah ditetapkan. Sekolah dimulakan dengan penglibatan murid tahun 5 & 6 terlebih dahulu pada 22 Julai 2020. Bagi murid tahun 1 sehingga tahun 4 pula, sekolah bermula pada 4 Ogos 2020. Sesi persekolahan secara pergiliran ini telah dilaksanakan sehingga 28 Ogos 2020.

Bermula 2 September 2020, sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) telah berjalan seperti biasa, tetapi diamalkan dengan norma baharu. Murid yang hadir ke sekolah mengamalkan penjarakan sosial satu meter antara satu sama lain. Manakala murid yang kesihatannya tidak mengizinkan, disarankan untuk tidak hadir ke sekolah sebagai langkah berjaga-jaga.

Pihak SRI Ummah BBB mendoakan agar kesemua murid, guru dan para ibu bapa penjaga terhindar dari penularan wabak yang masih lagi berlarutan sehingga hari ini. Ayuh! Kita bersama-sama memberi galakan dan semangat kepada murid untuk terus kekal sihat, aktif dan bersemangat hadir ke sekolah menimba ilmu secara bersemuka dengan guru.



Murid mengikut sop membasuh tangan dengan sabun sebelum masuk kelas



Murid beratur mengikut jarak 1 meter seperti yang diarahkan oleh KKM



Ustazah lakukan pemeriksaan suhu murid sebelum masuk kelas

BANJIR KILAT

Kajang, 18 Julai 2020 Kejadian banjir kilat telah melanda sekitar Kajang dan Bandar Baru Bangi. Hujan mula turun sekitar jam 3 petang sehingga lewat malam yang menyebabkan berlakunya banjir. Tular dimedia sosial paras air sehingga dada orang dewasa.

SUMBANGAN BANJIR DARI YTP & NGO



Kejadian banjir ini telah mendapat perhatian dan sumbangan dari segi kudrat, wang ringgit dan makanan asasi bagi meringankan beban guru-guru yang terlibat. Antara yang prihatin memberi sumbangan ialah sahabat handai, jiran tetangga, guru-guru SRI Ummah, Ahli Jawatankuasa Penduduk, Yayasan Takmir Pendidikan (YTP), pengurusan SRI Ummah BBB, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), mantan ahli ABIM yang berumur (WADAH) dan sekretariat hal ehwal wanita (SALWA).

LAWATAN PASCA BANJIR & SUMBANGAN DARI SRI UMMAH BANGI



Ustazah Norzieyana Mat Basjin, ketika itu beliau dan suami terdengar teriakan jiran mengatakan banjir. Beliau dan pasangan bergegas menyelamatkan barang di rumah dan suaminya segera mengalihkan kenderaan ke tempat yang lebih tinggi. Mereka turut dibantu oleh jiran-jiran yang tidak terjejas dengan banjir kerana air semakin naik sehingga paras lutut ketika itu. Alhamdulillah, AJK Kg. Teras Jernang telah menawarkan homestay yang berdekatan untuk bermalam.



Ustazah Fatimah Zaffri menceritakan air mula memasuki rumah jam 6.30 petang dan terus naik ke paras peha. Beliau bersama anaknya yang masih bayi ke rumah saudara di Seremban untuk berteduh sementara suami dan ayah mertuanya berada dirumah menyelamatkan perkakas penting/berharga. Alhamdulillah, banjir surut sekitar jam 1 pagi dan anggaran jumlah kerugian sebanyak RM1,000-RM2,000.



Ustazah Norsiha Alias pula, beliau mendapat maklumat melalui laman sosial Facebook dan pada ketika itu beliau dan keluarga berada di luar kawasan. Setelah tuan rumah memaklumkan rumahnya turut dilanda banjir, beliau segera bertolak ke rumah dan sampai pada jam 4.00 pagi. Bagaimanapun keadaan banjir ketika itu telah pun surut.

- Nama: Hanani bt Idris
- Mula belajar di KTU pada tahun 1988, Ar-Raudhah (lokasi dahulunya di rumah Ustaz Halim).
- Subjek yang diajar termasuklah tajwid, fekah, sirah, khat, dan subjek al-Qur'an wajib di baca setiap hari.
- Antara tenaga pengajar yang mendidik saya ialah Ustazah Rahimah (isteri Ustaz Halim), Ustazah Atifah, Ustazah Faridah, Ustazah Rashidah.
- Kini 2 orang anak saya di Ar-Raudhah:-
 1. Nayli Malihah (tahun 4)
 2. Ulfa Hasinah (tahun 2)
- Ilmu yang dicurahkan oleh para ustazah menjadi bekal buat saya sehingga hari ini. Diharapkan anak-anak saya juga akan memperoleh manfaat dan mampu beramal dengan apa yang dipelajari di KTU.



- Nama: Mirzam Bin Taiman
- Mula belajar di KTU Damai dan KTU As-Sobah pada tahun 1991 – 1996.
- Subjek yang diminati tajwid, fekah.
- Antara tenaga pengajar yang masih diingati Ustazah Zainab.
- Kini anak saya Munzir Bin Mirzam di Al-Amirin.
- Sedikit coretan sepanjang belajar di KTU adalah, saya masih berhubung dengan rakan-rakan sekolah sehingga hari ini dan seorang dari mereka menetap di Negara Eropah. Pengalaman seronok berlatih menghafaz dan solat Jemaah bersama rakan-rakan tidak boleh dilupakan. Kelas yang santai tetapi sehingga hari ini saya masih ingat apa yang diajarkan oleh para ustazah terutama ilmu Tajwid. Mudah untuk saya mengamalkan dalam membaca Al-Quran sehingga kini. KTU sangat memberi kesan terhadap kefahaman fardhu dan ilmu Islam secara keseluruhan untuk amalan seharian Muslim.

- Nama: Nur Syuhada' binti Ridzuan
- Mula belajar di KTU pada tahun 1994 – 1999, KTU As-Sobah & KTU Al-Kauthar.
- Beliau dan rakan-rakannya mewakili Al-Kauthar bagi pertandingan nasyid semasa ihtifal dan adiknya menjadi salah seorang penyanyi solo dalam kumpulan mereka. Disebabkan latihan dilakukan hampir setiap hari ibu bapanya menawarkan rumahnya untuk mereka menjalani latihan nasyid di sana.
- Antara tenaga pengajar yang masih diingati Ustazah Junaidah dan Almarhumah Ustazah Norafidah.
- Empat dari adik beradiknya juga tamat belajar di KTU sehingga mereka berpindah ke Australia kerana ibunya melanjutkan pelajaran di sana.
- Kini anaknya Munzir Bin Mirzam di Al-Amirin.
- Baginya, KTU adalah satu contoh institusi Pendidikan yang walaupun tidak besar, namun berjaya mengekalkan kualiti pendidikan dan adab pelajarnya dengan cemerlang. Alhamdulillah, saya berjaya menghafaz beberapa juzu' Al-Quran dan surah-surah pilihan serta hadis-hadis yang telah ditetapkan. Setiap ilmu yang diperoleh sepanjang pengajian telah membantu saya menjadi seorang Muslim yang lebih baik. Saya kini bertugas di Sekolah Bina Insan Yayasan MSU, sebuah sekolah menengah tahfiz swasta berdaftar KPM dan saya cukup teruja menerima dan mendidik pelajar-pelajar yang pernah belajar di KTU. Prestasi hafazan dan adab pelajar ini sangat memuaskan, malah mereka juga berjaya menamatkan hafazan 30 juzu' dan bergelar Al-Hafiz. Tahniah diucapkan buat semua ustaz dan ustazah KTU. Semoga KTU terus cemerlang!



- Nama: Rinni Damayanti binti Samsuddin.
- Berkerja sebagai doktor.
- Mula belajar di KTU As-Sobah pada tahun 1992 - 1997.
- Meminati subjek Hadis, Bahasa Arab dan Fardhu Ain.
- Ustazah yang masih diingati adalah Ustazah Zaharah Ngadiron, Ustazah Fadlina Kamis, Ustazah Rashidah dan arwah Ustazah Hasliza.
- Pengalaman di KTU yang tidak dapat dilupakan: Dapat no.1 setiap kali peperiksaan.
- Legasi pendidikan di KTU diteruskan oleh anak saya Kamilia Rifa'e binti Muhammad Faizal. Tahun 2 (kelas Ustazah Zihah) Tahfiz As-Sobah.
- Sedikit coretan sepanjang belajar di KTU: Banyak ilmu asas agama yang dipelajari dan menjadi pedoman sepanjang menjalani kehidupan dari saya kecil hingga dewasa.



USTAZ MAT AZID KADIR

LATAR BELAKANG

Tokoh terpilih kali ini ialah Ustaz Mat Azid bin Kadir. Beliau dilahirkan pada 24 April 1959 di Kampung Beris Kubur Besar, Bachok, Kelantan. Beliau merupakan cahayamata kepada pasangan Esah binti La'ar dan Kadir bin Awang, anak ke tiga dari sembilan adik beradik dan di besarkan dalam keluarga petani dan pesawah padi.

PENDIDIKAN

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Beris Kubur Besar sehingga tamat darjah 6. Seterusnya menyambung pelajaran ke peringkat menengah rendah di Sekolah Arab Amir Indera Putra, Beris Kubur Besar bermula di tingkatan peralihan sehingga tingkatan 3. Sepanjang 4 tahun di sekolah ini beliau aktif dalam persatuan dan aktiviti kemahiran sehingga melayakkan beliau menerima anugerah dalam pertukangan kayu dan kemahiran lain.

Setelah mendapat sijil SRP pada tahun 1975, beliau menerima panggilan untuk menyambung tingkatan 4 dalam bidang sains di Kolej Islam Kelang pada tahun 1976. Minat yang mendalam bidang sastera telah membuatkan beliau memohon menukar aliran tersebut. Beliau menyambung tingkatan 6 di kolej yang sama setelah menamatkan SPM.

Berbekalkan sijil STPM, beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti Kebangsaan Malaysia,

Bangi dalam bidang Pengajian Islam sesi tahun 80/81. Selama 4 tahun di UKM, beliau juga aktif dalam PMUKM dan mengikuti usrah peringkat KAMSIS dan ABIM. Sekalipun sarat dengan aktiviti kampus dan luar, beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dengan Kepujian.

KERJAYA

Beliau bermula sebagai Pegawai Sementara di Bahagian Akademik selama 1 tahun kemudian berpindah dengan jawatan yang sama di Pusat Komputer UKM, sehingga pertengahan tahun 1989 sebelum berkhidmat dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) secara sepenuh masa untuk mewujudkan Sekolah Rendah Islam (SRI) ABIM Sungai Ramal Dalam bersama Dr. Abdul Rahman Kurais yang merupakan Ketua Biro Pendidikan ABIM pada ketika itu. Beliau dilantik sebagai Guru Besar pertama di situ setelah 3 tahun menguruskan sekolah tersebut. Beliau bertanggungjawab menggubal kurikulum dan sukatan pembelajaran serta huraian sukatan tersebut bagi memudahkan guru-guru baru mengajar di sekolah tersebut. Beliau juga terlibat dalam menghasilkan buku teks SRI ABIM bersama rakan-rakan pakar yang lain dan masih lagi aktif dalam usaha penambahbaikan kandungan buku-buku tersebut hingga kini.

Pada tahun 1996 beliau mencuba untuk menceburi bidang perniagaan hartanah dan restoran. Pada tahun 1998, beliau ditawarkan untuk menguruskan Kelas Tahfiz Ummah oleh pengusaha Kelas Tahfiz ABIM unit Bangi. Keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan antara penyebab beliau menerima tawaran tersebut selain minat beliau dalam bidang pendidikan.

Bermula hanya dua buah sekolah sewaktu beliau mula menguruskan pada tahun 1998 dan kini KTU boleh berbangga mempunyai lebih dari 10 cawangan di Bandar Baru Bangi sahaja. Namun bukan kebanggaan bilangan cawangan itu sebagai ukurannya, tetapi usaha yang telah beliau

lakukan untuk memastikan tradisi ilmu ini mampu dinikmati oleh semua warga Bandar Baru Bangi. Sepanjang tempoh tersebut, KTU telah menerima beberapa anugerah di peringkat daerah mahupun negeri oleh Jabatan Agama Islam Selangor selain dikenali di kalangan agensi-agensi ABIM seluruh Malaysia.

24 April 2019 merupakan tarikh persaraan. Beliau mungkin bersara dari jawatan sebagai Guru Besar KTU, namun masih lagi berkhidmat dalam dunia pendidikan dengan penglibatan beliau dalam penerbitan buku teks JAIS dan ABIM untuk para pelajar. Penyebaran ilmu itu tidak akan padam jika keikhlasan itu adalah sumbernya. Banyak jasa beliau sepanjang tempoh 21 tahun di KTU yang tidak mampu kita terjemahkan satu persatu di sini biarlah ianya tertulis sebagai ganjaran berlipat kali ganda dari Allah SWT dalam usaha dakwah menyebarkan ilmu di bumi ini.

KELUARGA

Alhamdulillah, pada tanggal 12 Julai 1987 beliau telah menamatkan zaman bujangnya setelah diijabqabulkan dengan gadis pilihan hati iaitu Azian binti Seman yang berasal di Kampung Jeram, Kuala Selangor, Selangor. Pasangan beliau juga merupakan graduan Universiti Kebangsaan Malaysia dan berkhidmat di Sekolah Rendah Islam ABIM (SRI ABIM) Sungai Ramal Dalam, Kajang. Beliau memilih untuk menetap di Seksyen 8, Bandar Baru Bangi.

Hasil perkahwinan tersebut, pasangan Ustaz Azid dan Ustazah Azian telah dikurniakan 6 orang cahaya mata iaitu 5 perempuan dan 1 lelaki. Atas rahmat Allah, 32 tahun beliau melayari bahtera bahagia dengan cinta hatinya dan kini pasangan ini tinggal bersama hanya 2 orang anaknya yang masih belum berkahwin. Anak yang paling bongsu sedang belajar dalam tahun 6 SERI ABIM Sungai Ramal Dalam. Beliau telah dikurniai 5 orang cucu semuanya perempuan dan bakal menimang 2 orang lagi cucu lelaki pada Disember 2020 nanti In Sya Allah, Amiin.

KURSUS ASAS PERGURUAN 2020

B Bangi, 5 Ogos 2020 – Sekolah Rendah Islam Ummah Bandar Baru Bangi (dahulunya dikenali sebagai Kelas Tahfiz Ummah Bandar Baru Bangi) telah mengadakan Kursus Asas Perguruan bagi sesi 2020. Seramai 14 guru telah menamatkan Kursus Asas Latihan Guru selama 30 jam. Tujuan kursus ini diadakan sebagai medium pendedahan kepada guru baru mengasah kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam bilik darjah. Di samping itu, program ini turut membentuk guru menjadi seorang pendidik yang berilmu dan berakhlak dari segi sahsiah sebagai contoh kepada murid-murid.

Pelaksanaan kursus ini bermula dari Januari hingga April 2020 tetapi slot kursus bagi bulan April terpaksa ditangguhkan akibat penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Alhamdulillah, kursus yang terakhir dapat ditamatkan pada tarikh 5 Ogos 2020 semasa tempoh PKPP.

Antara tenaga pengajar yang terlibat dalam kursus perguruan ini terdiri daripada pihak pengurusan, pengetua, penyelia, guru-guru yang senior dan penceramah jemputan daripada Pensyarah IPG Islam Sungai Merab iaitu Puan Hj.H.Romlah binti Yahya.



Ahli Lembaga Pengarah SRI Ummah Bangi (Hj. Mokhtar) memberikan cendramata kepada Hj. Romlah sebagai penghargaan.



Guru-guru yang berjaya menghabiskan kursus asas perguruan bersama dengan pengetua SRI Ummah Bangi

P Pada 27 & 28 Ogos 2020, telah berlangsungnya bengkel soalan peperiksaan akhir tahun (PAT) 2020 bertempat di Pejabat Sekolah Rendah Islam Ummah Bandar Baru Bangi (dahulunya dikenali sebagai Kelas Tahfiz Ummah Bandar Baru Bangi) selama dua hari. Bengkel ini melibatkan 30 orang guru dari wakil setiap tahfiz yang dilantik sebagai panel soalan PAT. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi taklimat kaedah pembinaan soalan. Memandangkan kita dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPK), bengkel soalan ini hanya diadakan sekali sahaja bagi tahun 2020 khusus bagi peperiksaan akhir tahun. Pembinaan soalan ini juga dilakukan mengikut kesesuaian pembelajaran di dalam kelas berikutan keadaan penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, Sabtu 17 Oktober 2020 semua ahli panel pengubal soalan membuat semakan terakhir soalan dan skema jawapan sebelum dicetak. Semoga kita dilindungi dari segala musibah dan diberikan kekuatan, kecekalan serta kesabaran untuk menghadapi segala ujian.

BENGGEL SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2020



Suasana ketika berbengkel di ruang legar SRI Ummah Bangi

PROJEK SIRAH

Sistem Pendidikan Malaysia semakin berkembang dari masa ke semasa. Pelbagai pembaharuan telah dilakukan untuk meningkatkan dan menambahbaik serta memberi kesan yang lebih baik kepada murid-murid untuk merasai kebersamaan dalam arus perubahan sistem pendidikan ini.

Sebelum ini peperiksaan Abim SPRA bagi Subjek Sirah dilaksanakan secara bertulis seperti subjek-subjek yang lain. Mulai tahun 2020 subjek sirah telah dibuat perubahan. Semua murid tahun 5 di SRI Ummah telah diberi tajuk secara berkumpulan oleh guru-guru dan dibentangkan di dalam kelas yang mana mereka akan dinilai dari beberapa aspek antaranya ialah kerjasama dalam kumpulan, kreativiti idea serta 14 karektor Al-Himah yang dimasukkan sepertimana yang disebut di dalam Surah Luqman. Semua murid diberi kebebasan menyumbang idea untuk menghasilkan sesuatu projek samada dalam bentuk video, temuramah, buku skrap serta replika dan lain-lain yang berkaitan dengan sirah Rasulullah SAW.



Guru-guru sedang mendengar taklimat



Guru-guru sedang mendengar taklimat



Guru-guru sedang mendengar taklimat



Guru-guru sedang mendengar taklimat

KURSUS KEMAHIRAN PEMBELAJARAN & PEMUDAHCARA MAYA

Pada 9 dan 10 September 2020, telah berlangsung Kursus Kemahiran Pembelajaran & Pemudahcara Maya yang dianjurkan oleh Yayasan Takmir Pendidikan (YTP). Sekolah Rendah Islam Ummah Bandar Baru Bangi (dahulunya dikenali sebagai Kelas Tahfiz Ummah Bandar Baru Bangi) telah menghantar 6 peserta terdiri daripada 1 staf pejabat, 2 penyelia dan 3 guru.

Selain itu juga peserta diajar membina menyunting dan menghasilkan video. Sepanjang 2 hari berkursus, peserta telah diberi pendedahan oleh 3 pensyarah dari IPG KPI, Bangi (Institut Perguruan Kampus Pendidikan Islam) iaitu:-

1. Dr Azman bin Jais
2. Hj Abdul Haris bin Johari
3. Encik Choo Peter Kow Hing.

Kursus kemahiran ini bertujuan meningkatkan keupayaan dalam:

- a) Membina sumber pengajaran maya. (peserta diajar membina dan menggunakan blendspace, padlet, kahoot dan flickers)
- b) Pengendalian pdpc secara maya. (peserta diajar membina dan menggunakan google classroom)
- c) Melaksanakan Pembelajaran teradun (blended learning).



Guru-guru sedang mendengar taklimat



Dr Azman bin Jais sedang memberi taklimat